

Promosi UMP-IR: Pengalaman Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang

Noorul Farina binti Arifin¹, Ratna Wilis Haryati binti Mustapa

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang

26600 Pekan, Pahang Darul Makmur

¹noorul@ump.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan pengalaman Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan UMP mempromosikan UMP-IR di kalangan para akademik. Unit Pengurusan Ilmu bertanggungjawab dalam mengenalpasti, mengkelas, mendeposit, memantau, menyenggara dan mengemaskini rekod digital bagi kertas persidangan dan artikel jurnal di dalam UMP-IR. Pelbagai strategi promosi yang digunapakai bagi menggalakkan fakulti dan akademik untuk mendeposit bahan ilmiah mereka dan juga menggiatkan penggunaan UMP-IR dikalangan staf UMP. Cabaran utama adalah untuk menarik dan mengekalkan penyertaan sumbangan dalam kalangan staf UMP. Kekurangan sumbangan bahan penyelidikan untuk UMP-IR oleh para akademik juga menjadi faktor utama kepada permasalahan ini. Di samping itu juga, kertas kerja ini turut membincangkan usaha-usaha mempromosi dan meningkatkan koleksi bahan penyelidikan secara digital. Secara khususnya, ia juga meningkatkan pemahaman dan perkongsian ilmu melalui UMP-IR, lantas menggalakkan penggunaan UMP-IR secara lebih meluas melalui capaian dan akses pencarian oleh pengguna. Peningkatan maklumat yang diakses dan dilayari melalui UMP-IR akan mempengaruhi penarafan universiti dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia. Oleh itu, kepentingan promosi yang berkesan amat perlu dilaksanakan dalam memahami konsep penkongsian ilmu. Kesimpulannya, beberapa langkah pemerhatian terhadap usaha yang dijalankan serta penilaian terhadap usaha tersebut turut dibincangkan.

Kata kunci: Repositori institusi; Promosi; Akses terbuka; Pengurusan ilmu; Perpustakaan akademik

PENGENALAN

Repositori Institusi UMP (UMP-IR) adalah satu pangkalan data yang dibangunkan oleh Perpustakaan UMP dengan menggunakan perisian Eprints pada tahun 2010. UMP-IR adalah perkhidmatan penyimpanan dokumen digital hasil karya staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang. UMP-IR menawarkan akses teks penuh kepada kebanyakan bahan seperti kertas persidangan, Projek Sarjana Muda (PSM) dan tesis (terhad 24 m/s), keratan akhbar, jurnal artikel, buku serta bab dalam buku kecuali terhad kepada artikel yang mempunyai hak cipta yang perlu dipatuhi. Dari segi istilah yang mudah Institusi Repositori adalah sistem yang boleh menyimpan dan mengumpul hasil penyelidikan dan penerbitan ilmiah UMP dalam format digital. Bahan tersebut kemudiannya boleh dicari dan boleh dimuatnaik untuk kegunaan pengguna. Mengikut pandangan Lynch, “Universiti Institusi Repositori adalah satu perkhidmatan yang ditawarkan kepada ahli komuniti untuk pengurusan dan penyebaran bahan digital yang dicipta oleh institusi dan ahli komuniti. Pada dasarnya komitmen organisasi adalah paling utama dalam mengawal bahan –bahan digital, termasuk pemuliharaan jangka panjang yang bersesuaian, serta akses atau pengedaran bahan tersebut” (Lynch, 2003). UMP-IR adalah mod akses terbuka dimana ia boleh diakses secara percuma oleh sesiapa sahaja menggunakan capaian internet.

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengurusan Ilmu atau Knowledge Management Centre (KMC) ditubuhkan selaras dengan penubuhan KUKTEM dibawah Akta Universiti dan Koleh Universiti (AUKU) 1971 yang diwartakan pada 16 Februari 2002 yang beroperasi di kampus sementara bandar Indera Mahkota, Kuantan. Pada tahun 2004, Unit Pengurusan Ilmu ditubuhkan di KMC (kini dikenali perpustakaan UMP) bagi memikul tanggungjawab berfokuskan kepada pengurusan ilmu. Sebagai ‘ibu sumber ilmu’ universiti, Perpustakaan UMP memainkan peranan penting dalam usaha menyokong dan menyediakan sumber maklumat bagi tujuan pengajaran & pembelajaran (P&P), penyelidikan, penerbitan dan khidmat nasihat. Perpustakaan UMP telah memberi nilai tambah bagi fungsi sebuah Perpustakaan dengan mengintegrasikan pengurusan ilmu di dalam Perpustakaan. Selain daripada mengurus maklumat dan *explicit knowledge*, perpustakaan juga berperanan sebagai *champion* dalam menjalankan program pengurusan ilmu bagi organisasi dalam mendapatkan *tacit knowledge*.

Repositori Institusi kini menjadi komponen yang amat penting dan menjadi pilihan kebanyakan institusi dalam menawarkan perkhidmatan akses terbuka kepada hasil ilmiah dan penyelidikan sesebuah institusi. Bagi bergerak selari dan seiring dengan perkembangan akses terbuka di Malaysia, UMP-IR telah dibangunkan dengan sokongan mantap daripada Pengurusan Universiti. Berlandaskan kepada perspektif Pengurusan Ilmu di dalam konteks alatan pengurusan ilmu (Knowledge Management Tools), proses kerja repositori institusi adalah sama seperti repositori pengetahuan (*Knowledge Repository*) di dalam amalan Pengurusan Ilmu. Liebowitz and Beckman (1998) mendefinisikan repositori pengetahuan adalah seperti gedung yang menyimpan kepakaran, pengetahuan, pengalaman serta dokumentasi berkaitan kepakaran tertentu. Seajar dengan itu Perpustakaan UMP telah memilih perisian E-prints dalam membangunkan sistem akses terbuka bagi mengumpul, menyimpan, dan memelihara bahan-bahan ilmiah yang diterbitkan dan bahan yang tidak diterbitkan oleh komuniti Universiti Malaysia Pahang.

Kertas kerja ini membincangkan secara ringkas sejarah UMP-IR sehingga kini. Menerangkan kewujudan UMP-IR dan beberapa aktiviti promosi yang dijalankan bagi menggalakkan akademia dan penyelidik mendeposit sendiri bahan ke UMP-IR. Kertas kerja ini menyimpulkan beberapa langkah pemerhatian dan penilaian terhadap usaha mempromosi yang dijalankan.

PEMBANGUNAN UMP-IR

UMP-IR telah dilancarkan pada 23 Disember 2010 oleh Yh. Professor Dato' Dr. Rosli Bin Mohd Yunus, Mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) di dalam Majlis Pelancaran Repositori Institusi dan Sistem Indeks Perpustakaan UMP bertempat di Auditorium Perpustakaan UMP Gambang. UMP-IR dibangunkan oleh Perpustakaan UMP dengan menggunakan perisian E-Prints versi 3.1.2.1 bagi menghimpunkan koleksi ilmiah dan penyelidikan universiti dalam format digital. Ia menjadi platform bagi mengumpul, memelihara dan mengadaptasi konsep akses terbuka yang dapat menetengahkan bahan-bahan ilmiah dan penyelidikan UMP di peringkat global. Perisian E-prints adalah salah satu perisian yang popular diwujudkan pada tahun 2000 yang dibangunkan oleh *School of Electronics and Computer Science, University of Southampton*. Perisian EPrints adalah percuma dan sumber terbuka (*open source*) yang bertujuan untuk membantu institusi menjana repositori akses terbuka (Pappalardo & Fitzgerald, 2007: 23). Menurut kajian Salleh Hudin Mustaffa dan Zuraidah Darus (2014), Perisian Eprints telah mendominasi pembangunan Repositori Institusi di Malaysia iaitu sebanyak 20 repositori diikuti oleh 5 repositori dari perisian DSpace.

Atas kesedaran ini pihak perpustakaan memberi keutamaan khusus dalam menyokong dan membantu UMP menguruskan hasil intelektual para cendekiawan. Perpustakaan telah menghantar 2 orang pustakawan menghadiri Bengkel Repositori Digital Institusi di Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Petaling Jaya pada 17-18 Disember 2007. Ia bertujuan memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam membangunkan repositori institusi sendiri di Perpustakaan. Pada tahun berikutnya, 11 Jun 2008, Seramai 2 orang pustakawan dihantar mengikuti *Post Conference Workshop, Open Access Initiatives: Planning to Realisation of Institutional Repository* anjuran Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Johor Bahru. Ia adalah sesi *hands-on* bagi pendedahan perkongsian maklumat yang telah diguna pakai secara meluas oleh institusi akademik dan penyelidikan di peringkat antarabangsa dalam mewujudkan visibiliti secara global bagi hasil penyelidikan cendekiawan mereka.


UMP-IR diwujudkan sekitar tahun 2009 atas cadangan Ketua Pustakawan dan dibangunkan oleh Pustakawan UMP sendiri. Perkhidmatan UMP-IR ditawarkan oleh Unit Pengurusan Ilmu dan di selenggara oleh Unit Automasi, Perpustakaan. Unit Pengurusan Ilmu pula bertanggungjawab dalam mengenalpasti, mengkelas, mendeposit, memantau, menyenggara dan mengemaskini rekod digital bagi kertas persidangan dan artikel jurnal di dalam UMP-IR. Sehingga kini pihak Perpustakaan masih belum menerima bantuan teknikal daripada pihak Pusat Teknologi Maklumat Komunikasi (PTMK), UMP kerana mereka tiada kepakaran dalam mengendalikan Eprints. Warga kerja Perpustakaan bersama-sama berganding bahu dalam menyediakan bantuan teknikal dan pengurusan pentadbiran UMP-IR. Beberapa sesi percubaan muatnaik bahan telah dilakukan bagi melihat proses kerja di UMP-IR supaya berjalan dengan lancar.

Bahan pertama yang telah dimuatnaik adalah bahan tesis dan projek sarjana muda (PSM). Sehingga Disember 2014, koleksi UMP-IR adalah sebanyak 5,963 yang terdiri daripada bahan-bahan seperti kertas persidangan, artikel, buku, bab dalam buku, paten, ucapan, projek sarjana muda dan tesis. Selain daripada memelihara bahan ilmiah dan penyelidikan cendekiawan UMP, UMP-IR kini menjadi infrastruktur utama dalam membantu meningkatkan visibiliti dan prestij universiti serta menaikkan kedudukan (*ranking*) universiti di Webometrik di mana ia menunjukkan komitmen universiti dalam penerbitan web dan ke arah akses terbuka. Kepentingan dan kelebihan adanya repositori adalah ia dapat menyumbang pembangunan yang bersepadu dan bersistematik dalam urusan menyimpan, mengurus, menggunakan, menyebarkan-luaskan dan mendapatkan semula aset intelek

daripada staf UMP khususnya staf akademik. Dengan ini, ia dapat memaparkan kedalaman dan luasnya output intelektual para akademik UMP.


HALANGAN DAN PERMASALAHAN UMP-IR

Beberapa siri aktiviti promosi telah dijalankan bagi meningkatkan penggunaan UMP-IR serta menambahkan bilangan koleksi bahan dengan menggalakkan para akademia dalam mendeposit bahan penyelidikan mereka. Berdasarkan statistik (Rajah 1) yang diambil bermula penghujung 2010 sehingga 2012, berlaku penurunan yang mendadak pada tahun 2011 iaitu sebanyak 24.6 peratus dan meningkat semula dengan jumlah bilangan yang kecil iaitu sebanyak 67.4 peratus.



Rajah 1 (Sumber: Statistik dikeluarkan oleh Sistem UMP-IR)


Perkara ini terjadi kerana pemahaman yang kurang jelas dan kurang mendapat perhatian daripada fakulti dan penyelidik berkenaan dengan faedah-faedah yang boleh diperolehi daripada perkhidmatan akses terbuka ini. Faktor lain yang menjadi punca kurangnya bahan intelektual UMP di dalam UMP-IR adalah berkaitan dengan isu hakcipta penerbit, kekeliruan jenis kandungan bahan yang perlu dideposit dan ada juga penulis tidak mahu berkongsi bahan penyelidikan mereka berdasarkan kepada Rajah 2. Jumlah peratusan yang tidak menyumbang bahan ke UMP-IR adalah agak tinggi berbanding dengan bilangan geran yang dikeluarkan oleh UMP.



Rajah 2 (Sumber: Pusat Penyelidikan dan Inovasi, UMP)

Pada tahun 2013, satu surat arahan daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah dikeluarkan. Pengurusan Universiti menggesa fakulti dan staf akademik mendeposit bahan ke UMP-IR atau menghantar bahan penyelidikan kepada perpustakaan untuk tindakan selanjutnya. Arahan tersebut dikeluarkan atas dasar kepentingan mendeposit bahan ke UMP-IR adalah langkah-langkah bagi membantu pengumpulan data dan rekod bagi keperluan penarafan universiti dalam MYRA dan Webometrics. Disamping itu juga, ia dapat membudayakan perkongsian ilmu melalui akses terbuka.

Umum sedia maklum, penarafan universiti diukur melalui pengajaran dan pembelajaran dan tidak ketinggalan penyelidikan dalam sesebuah IPT. Instrumen Malaysia Research Assessment (Myra) adalah antara salah satu medium pengukuran bagi memantau prestasi dan menilai pencapaian penyelidikan yang dilakukan oleh IPT berdasarkan beberapa kriteria yang telah digariskan. UMP juga telah menetapkan bahan-bahan di dalam UMP-IR adalah salah satu sumber data yang asli bagi pengumpulan data R&D&C untuk rekod KPT. Webometrics pula adalah salah satu badan penarafan peringkat antarabangsa yang mengambil kira faktor keberadaan universiti di dalam dunia Internet. Penilaiannya merangkumi 4 faktor seperti yang dijelaskan di dalam Rajah 3.



Rajah 3 (Sumber: <http://webometrics.info/>)

Selain daripada faktor penarafan yang memberi impak besar kepada universiti, UMP-IR juga ada hubungkait dengan KRA 3 perpustakaan (2011-2015) iaitu pembangunan sosio-ekonomi : memperkasa pangkalan data UMP-IR. Laporan Pencapaian Pelan Strategik Perpustakaan 2012 melaporkan hanya 22.5 peratus daripada jumlah kertas persidangan yang telah didepositkan ke dalam UMP-IR. Lynch (2003), telah memfokuskan perlunya menyakinkan akademia untuk menyumbang hasil penyelidikan mereka kerana ia dapat menentukan kejayaan sesebuah repositori institusi. Keprihatinan dan desakan Universiti di atas kepentingan repositori institusi ini, Perpustakaan perlu melakukan satu tindakan segera agar akademia dan pelajar UMP menyedari akan kewujudan UMP-IR.

AKTIVITI PROMOSI UMP-IR

i. Rangkaian Sosial

Rangkaian sosial mempunyai banyak manfaat terutamanya dalam konteks pertukaran maklumat di kalangan ahli dan juga di antara rangkaian yang berbeza. Ia menekankan kepentingan dari segi penyebaran maklumat dan perkongsian ilmu diantara komuniti (Diane and Jason, 1998). Bauer (2005) menyatakan bahawa pemasaran IR adalah kritikal. Unit Pengurusan Ilmu telah mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah kekurangan bahan di dalam UMP-IR. Promosi melalui rangkaian sosial seperti *facebook* (<https://www.facebook.com/umplibrary>), *twitter* (<https://twitter.com/umplibrary>) serta di portal perpustakaan (<http://umplibrary.ump.edu.my>) telah dijalankan. Nama domain bagi UMP-IR pula adalah umpir.ump.edu.my. Ia mudah diingati dan juga boleh diakses melalui laman web rasmi UMP. Dengan kekangan staf dan bebanan kerja sedia ada menyebabkan promosi secara elektronik lebih dititikberatkan. Setiap bulan Unit Pengurusan Ilmu akan


menaikkan pemakluman atau maklumat-maklumat berkaitan UMP-IR di *announcement board* di portal UMP *e-community* bagi menjelaskan kaedah penggunaan, faedah yang boleh didapati daripada UMP-IR, dan hal-hal lain berkaitan UMP-IR. Platform memo dan emel juga digunakan untuk meminta bahan penyelidikan daripada fakulti dan akademik. Selain itu, notis peringatan juga turut dihantar melalui memo atau emel bagi akademik yang menghantar bahan penyelidikan tidak lengkap. Selain itu, pustakawan yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan UMP-IR juga telah membuat video pendek tentang langkah-langkah untuk men deposit bahan ke UMP-IR yang boleh dilayari melalui *Youtube* (<https://www.youtube.com/watch?v=3JZrmfz6MAs>) atau melihat daripada portal perpustakaan. Ia adalah salah satu tarikan dan galakan untuk memudahkan akademik men deposit bahan secara sendiri (*self-archive*).

ii. *KM Awareness*

Kelas Kesedaran Pengurusan Ilmu (*KM awareness*) saban tahun dilakukan bagi meningkatkan kesedaran dalam hal-hal berkaitan Pengurusan Ilmu. Penerangan adalah tentang *KM Programs* iaitu program yang dijalankan bagi mendapatkan pengetahuan tersirat (*tacit knowledge*) dan *KM Tools* iaitu alat yang diguna pakai dalam menyimpan bahan program seperti bank fail (files bank), dan bank pengetahuan (*K-Bank*). Bermula tahun 2013, penerangan mengenai UMP-IR telah ditambah di dalam sesi *KM awareness* kerana UMP-IR dikategorikan sebagai alatan pengurusan ilmu. Penerangan meliputi pengenalan UMP-IR, langkah-langkah men deposit bahan, jenis bahan yang terdapat di dalam UMP-IR, sesi soal-jawab dan hal-hal yang berkaitan. Unit Pengurusan Ilmu juga berkomunikasi secara formal dan tidak formal dengan fakulti dan akademik dalam usaha memohon maklumat penyelidikan dan menyakinkan akademik untuk men deposit hasil penyelidikan mereka. Permintaan daripada fakulti untuk mengadakan kelas penerangan UMP-IR juga turut dijalankan. Tiga (3) daripada sepuluh (10) fakulti telah membuat permintaan kelas UMP-IR di fakulti masing-masing. Usaha ini telah menunjukkan hasil yang positif walaupun tidak begitu ketara dalam jumlah peningkatan bahan di UMP-IR.

iii. *Pasukan Promosi*

Antara usaha dan komitmen yang tinggi bagi menyokong dan membantu universiti di dalam menaikkan vasilibiti dan prestij UMP, Perpustakaan telah membentuk satu pasukan pada tahun 2013 bagi membantu menjalankan aktiviti promosi UMP-IR. Objektif kumpulan Easylib diterangkan di dalam Rajah 4. Pasukan EasyLib ditubuhkan atas dasar memenuhi keperluan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) oleh Universiti. Pasukan tersebut adalah bertujuan menambahbaik dan meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja khususnya dalam penyampaian perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna. Pasukan Easylib terdiri daripada 6 orang ahli dari kalangan pustakawan dan pembantu perpustakaan. Beberapa permasalahan yang berlaku di setiap unit telah diutarakan dan dikenalpasti. Easylib telah sebulat suara memilih masalah 'Kurangnya kesedaran memuatnaik bahan penyelidikan ke UMP-IR' yang dianggap kritikal dan amat memerlukan penambahbaikan kerana ia adalah satu perkhidmatan akses terbuka yang utama ketika ini.



Rajah 4 (Objektif Penubuhan Pasukan Promosi)

Sikap yang positif, kesungguhan dan komitmen daripada pihak pengurusan perpustakaan sendiri menjadi faktor yang menyokong kejayaan pasukan ini. Data penyelidikan tahun 2013, mendapati sebanyak 322 kertas persidangan telah diluluskan dibawah geran penyelidikan. Perpustakaan hanya menerima dan men deposit sebanyak 120 bahan. Didapati sebanyak 63 peratus bahan belum diperolehi daripada fakulti dan penyelidik walaupun permohonan bahan telah dibuat. Bagi menangani masalah yang dihadapi oleh perkhidmatan UMP-IR ini, pasukan Easylib telah menjalankan beberapa aktiviti promosi.

iv. *Roadshow* UMP-IR

Promosi dalam kampus secara *roadshow* telah dijalankan oleh pasukan Easylib bagi memberi pendedahan secara lebih dekat dengan fakulti, akademia dan pelajar untuk mendapatkan sokongan mereka. Pasukan Easylib telah membuka kaunter UMP-IR di lokasi berhampiran fakulti dan juga di perpustakaan Gambang dan Pekan. Dengan cara ini, perpustakaan membawa perkhidmatan UMP-IR secara terus kepada kumpulan sasaran. Ia berperanan mempromosikan aktiviti men deposit bahan penyelidikan dikalangan akademia dan penyelidik. Bahan penyelidikan yang diutamakan adalah kertas persidangan dan jurnal artikel. Roadshow ini bertujuan mempertingkatkan kuantiti bahan penyelidikan dan memudahkan capaian maklumat kepada pengguna dan pen deposit.

Penerangan lengkap mengenai UMP-IR diberikan kepada yang mengunjungi *booth*. Selain itu, aktiviti pendaftaran sebagai pengguna dan penerangan mengenai langkah-langkah men deposit bahan juga turut dijalankan. Cenderahati diberikan bagi menghargai pengunjung yang meluangkan masa untuk mendengar penerangan UMP-IR. Aktiviti *roadshow* adalah cara yang berkesan dalam menerangkan sesuatu produk dan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran. Secara tidak langsung, hubungan dan kerjasama antara fakulti dan akademia dapat dijalin. Oleh itu, promosi bergerak ini juga dijalankan di setiap program yang bersesuaian yang berlangsung di dalam kampus UMP. Hasil daripada *roadshow* ini, didapati kebanyakan akademia mengetahui akan kewujudan UMP-IR tetapi kurang mengetahui tentang faedah dan kepentingan perkhidmatan ini.

v. Risalah dan Poster

Cetakan risalah dan poster adalah antara cara terbaik dan berkesan dalam mempromosi produk dan perkhidmatan disamping penggunaan promosi atas talian. Pemilihan rekabentuk, imej dan maklumat penulisan telah dikenalpasti bagi menghasilkan risalah UMP-IR. Cetakan risalah baharu ini menggantikan risalah sedia ada supaya ia lebih menarik dan memastikan akademia dan pelajar kekal fokus kepada mesej yang disampaikan di dalam risalah tersebut. Poster juga telah direkabentuk oleh ahli pasukan Easylib bagi memudahkan ia dibawa dalam aktiviti promosi bergerak. Poster tersebut kemudiannya akan diedar kepada fakulti dan jabatan di kampus Pekan dan Gambang. Integrasi di antara bahan cetakan dan atas talian untuk promosi amat membantu pihak Perpustakaan dalam menyebarkan luaskan maklumat perkhidmatannya. Selain daripada memperbaharui rekaan risalah dan mewujudkan poster, Unit Pengurusan Ilmu telah menyediakan manual bercetak mengenai penggunaan dan cara-cara menandatangani bahan untuk pendeposit. Ia bertujuan memudahkan lagi akademia melakukan sendiri proses kerja menandatangani bahan. Penulisan berkaitan UMP-IR juga telah diterbitkan di majalah rasmi UMP, *Create* dan juga di majalah Perpustakaan, *Wadah* bertujuan memaklumkan kepada warga UMP tentang kewujudan dan maklumat terkini dari semasa ke semasa.


KEJAYAAN, PEMERHATIAN & PENILAIAN

Aktiviti promosi yang telah dilakukan dan akan terus dijalankan sedikit sebanyak menyumbang kepada penambahan bahan penyelidikan di dalam UMP-IR dan meningkatkan kesedaran berkaitan UMP-IR dikalangan warga UMP. Pustakawan merupakan penggerak utama dalam mempromosi repositori serta usaha meningkatkan jumlah bahan di IR dan seterusnya menggalakkan fakulti dan akademia menandatangani bahan penyelidikan mereka. Tanpa sokongan daripada mereka, usaha ini agak sukar untuk mencapai tahap penerimaan dan peningkatan penggunaan UMP-IR secara meluas di kampus. Dalam konteks ini, pustakawan rujukan memainkan peranan penting dalam menunjuk ajar bagaimana untuk mencari dan menggunakan maklumat. Oleh itu, pustakawan adalah sesuai dan sangat ideal sebagai agen perubahan bagi menggalakkan IR sebagai sumber maklumat (Revell dan Corner 2009).

Hasil pemerhatian yang dilakukan mendapati fakulti sentiasa ingin mendapatkan maklumat yang jelas berkaitan UMP-IR. Seperti yang dikatakan oleh Gibbons, memahami keperluan fakulti adalah perlu dalam membina program repositori yang bersesuaian dengan kehendak fakulti dan pengguna (2004). Bermula penghujung tahun 2014, pustakawan rujukan memainkan peranan dalam mengadakan kelas pendidikan pengguna untuk ahli akademia dalam memberi penjelasan dan tunjuk ajar cara penggunaan UMP-IR. Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FIST) antara jabatan yang telah mempelawa pustakawan rujukan memberi taklimat di dalam sesi mesyuarat fakulti dan beberapa fakulti lain juga telah berbincang dan bercadang untuk memanggil pustakawan rujukan untuk sesi taklimat UMP-IR.

Antara faktor utama dalam peningkatan bahan di dalam UMP-IR adalah wujudnya kerjasama dengan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (P&I), UMP di mana P&I mewajibkan para penyelidik yang menyertai Anugerah Cendekia Bitara menandatangani bahan ke UMP-IR bagi tahun 2014. Pautan url umpir.edu.my perlu dikemukakan di dalam borang permohonan Anugerah Cendekia Bitara dan juga bukti sokongan yang lain. Anugerah Cendekia Bitara adalah majlis pengiktirafan kepada para penyelidik UMP berdasarkan beberapa kategori dan anugerah. Majlis pengiktirafan ini dapat

menyuntik semangat dan menggalakkan para akademia dan penyelidik menghasilkan penulisan penerbitan dan produk yang berkualiti dan memberi impak positif kepada universiti dan masyarakat. Rajah 5, menunjukkan kenaikan secara mendadak selepas P&I mewajibkan bahan penyelidikan dideposit ke dalam UMP-IR.



Rajah 5 (Sumber: <http://umpir.ump.edu.my/>)

Peningkatan visibiliti dan prestij universiti ternyata menunjukkan kesan positif dengan kewujudan UMP-IR. Menggalakkan ahli akademik supaya mendeposit hasil penerbitan mereka ke dalam IR dapat meningkatkan ketersediaan (*availability*) dan penglihatan (*visibility*) mereka kepada global, dan meningkatkan peluang kegunaan dan pertukaran idea di kalangan cendekia di dalam bidang yg sama (Abrizah et al., 2007). Visi UMP iaitu "Menjadi universiti teknologi bertaraf dunia" adalah seiring dengan penarafan Webometrics dalam mengukur sumbangan dalam menerbitkan bahan ilmiah melalui media atas talian. Setiap tahun posisi pemeringkatan diumumkan melalui <http://www.webometrics.info>. Universiti Malaysia Pahang menduduki tangga ke 15 daripada 90 IPTA dan IPTS di seluruh Malaysia. Pengukuran ini bukan sahaja dilihat daripada kewujudan repositori, ia juga adalah hasil kerjasama daripada semua jabatan yang menyumbang kepada sumber ilmiah yang boleh di akses secara global. Selain dari itu, tidak dapat dinafikan, terdapat peningkatan melalui *citation index*. Faktor ini memberi faedah yang sangat baik kepada penyelidik kerana UMP-IR telah menjadi agen promosi dalam meningkatkan *citation*, menaikkan nama penyelidik dan UMP juga semakin dikenali diperingkat antarabangsa. Permintaan akses dan jumlah muat turun bahan yang tinggi daripada pengguna dalam dan luar UMP juga membuktikan UMP-IR telah menjadi salah satu sumber maklumat yang mudah dicapai di dalam dunia atas talian.

KESIMPULAN

Pendekatan yang digunakan dalam usaha meningkatkan jumlah bahan dan menggalakkan akademia menyumbang bahan mereka ke dalam UMP-IR sedikit sebanyak mempengaruhi pengembangan UMP-IR walaupun dengan kadar yang perlahan jika dibandingkan dengan repositori IPTA di Malaysia. Unit Pengurusan Ilmu sebagai pentadbir dalam pengurusan UMP-IR perlu meneruskan cabaran dalam meningkatkan kesedaran pihak fakulti, akademia dan pelajar UMP. Promosi secara berkala akan diteruskan sekerap mungkin supaya UMP tidak ketinggalan jauh dengan Institusi Pengajian Tinggi yang lain.

RUJUKAN

- Mercer, Holly, and Rosenblum, Brian, and Emmett, Ada. (2007) A Multifaceted Approach to Promote a University Repository: The University of Kansas' Experience. *OCLC Systems & Services* 23.2: 190-204. Akses di: <https://kuscholarworks.ku.edu/handle/1808/1625>
- Pappalardo, Kylie M. and Fitzgerald, Anne M. and Fitzgerald, Brian F. and KielChisholm, Scott D. and O'Brien, Damien and Auston, Anthony. (2007) *A Guide to Developing Open Access Through Your Digital Repository*. Akses di <http://eprints.qut.edu.au/9671/>
- Sipria-Mironov, Elena and Burenkov, Merit. (2012) *Institutional Repository As The Basis Of The Promotion And Implementation Of Open Access Principles Case Study From Estonia*. Akses di <http://www.eifl.net/resources/institutional-repository-basis-promotion-and-implementation-open-access-principles>
- Mustaffa, Salleh Hudin and Darus, Zuraidah. (2014) *Pencarian Setempat Repositori Institusi*. In: Seminar Kepustakawanan 2014, 25-26 September 2014, Universiti Malaysia Sarawak. Akses di <http://repo.uum.edu.my/13139/>
- Abriah, A. (2010) *Piloting An Institutional Repository At A Research- Intensive University: Strategies For Content Recruitment And The Role Of The Library*. In: International Conference on Digital Libraries ICDL 2010, 23-26 February 2010, New Delhi, India. Akses di <http://dspace.fsktm.um.edu.my/handle/1812/789>
- Farida, Ida, and Hidajat, Jann and Tjakraatmadja and Firman, Aries.(2015) A conceptual Model of Open Access Institutional Repository in Indonesia Academic Libraries: Viewed from Knowledge Management Perspective. *Library Management, Vol.36 (1/2) : 168-181*. Akses di <http://dx.doi.org/10.1108/LM-03-2014-0038>
- Lynch, C. A. and Lippincott, J. K. (2005), Institutional Repository Deployment in the United States as of Early 2005, *D-Lib Magazine, Vol.11(9)* akses di <http://www.dlib.org/dlib/september05/lynch/09lynch.html>
- Faleh, A. Alhawary. (2011), Building a Knowledge Repository: Linking Jordanian Universities E-library in an Integrated Database System, *International Journal of Business and Management, Vol. 6(4) 2011* akses di <http://www.ccsenet.org/journal/index.php/ijbm/article/view/10080>

BIODATA



Noorul Farina Arifin merupakan Pustakawan di Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Pengurusan Perpustakaan) dari Universiti Teknologi MARA. Beliau kini merupakan Ketua Unit Pengurusan Ilmu di Perpustakaan UMP.



Ratna Wilis Haryati Binti Mustapa merupakan Pembantu Perpustakaan Kanan di Unit Pengurusan Ilmu. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Pengajian Media (Kepujian) (Perhubungan Awam) dari Universiti Teknologi. Penulis bersama buku Model Minda KUKTEM-UMP: Penghayatan Berterusan terbitan Universiti Malaysia Pahang (2015) dan antara penulis biodata dan artikel sempena Pemashyuran Baginda Tuanku Canselor pada Majlis Konvokesyen pertama KUKTEM serta majalah universiti pada peringkat awal penubuhan KUKTEM.